

YAHYA (dua dari kanan) melawat gerai pameran inovasi pada program Arab Fest 2018.

Mohd Rafi Mamat
cnews@NSTP.com.my

Kuantan

Kemahiran dalam inovasi mampu melonjakkan imej pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai individu cemerlang.

Rektor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Datuk Yahya Zainal Abidin berkata, kecermerlangan dan kemahiran itu dapat membantu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka.

Beliau berkata, pelajar IPT hari ini perlu memiliki lebih daripada satu kemahiran dan kebolehan. Mereka sepatutnya tidak terlalu bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata.

Katanya, kebolehan menghasilkan pelbagai inovasi menjadi pelengkap kepada golongan terbabit untuk muncul sebagai graduan cemerlang, seterusnya mampu memikul tugas yang diberikan apabila sudah bekerja.



Individu cemerlang

■ Kemahiran inovasi lonjak imej pelajar IPT

"Kemudahan dan bantuan yang disediakan Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi kerajaan bertanggungjawab perlu direbut golongan pelajar untuk menghasilkan pelbagai inovasi."

"Inovasi yang dihasilkan turut memberi sumber pendapatan lumayan kepada penciptanya apabila produk terbabit berjaya dikomersialkan," katanya pada majlis penutup Arab Fest 2018 di

Dewan Utama KUIPSAS di sini, semalam.

Program sehari itu dianjurkan Jabatan Bahasa Arab KUIPSAS yang turut disertai lebih 10 pencipta tempatan dan luar, turut diadakan pameran inovasi, permainan dan kelas bahasa Arab.

Yahya berkata, kemajuan teknologi masa kini perlu digunakan sepenuhnya oleh golongan pelajar untuk menghasilkan inovasi bagi pelbagai kegunaan seperti

FAKTA
Pelajar IPT perlu memiliki lebih daripada satu kemahiran

pendidikan, pertanian, penyediaan makanan dan alat perhubungan.

Katanya, IPT juga perlu berusaha menggalakkan golongan pelajar terbabit dalam bidang inovasi dengan menawarkan kemudahan selain penghargaan dan anugerah hasil usaha yang dilakukan.

"Golongan pensyarah juga perlu berusaha menampilkan inovasi yang diharap menjadi motivasi kepada golongan pelajar untuk bersaing secara sihat. Saya berharap lebih ramai warga KUIPSAS terbabit menghasilkan inovasi dalam pelbagai bidang," katanya.